

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Malaysia, Singapura iktiraf sijil vaksinasi

**Persetujuan mudahkan pergerakan sempadan dua negara**

Oleh Essa Abu Yamin  
bhnews@bh.com.my

**Pagoh:** Malaysia dan Singapura sepakat untuk mengiktiraf sijil vaksinasi COVID-19 masing-masing dalam tempoh terdekat bagi memudahkan pergerakan sempadan di keduanya negara.

Pengerusi Majlis Pemuliharan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata beliau sebelum ini berhubung dengan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong bagi membincangkan perkara itu dengan republik berkenaan bersetuju dengan perkara itu.

"Dengan keadaan COVID-19

dan kadar vaksinasi di Malaysia dan Singapura belum selesai, mungkin beliau (Hsien Loong) agak berhati-hati.

"Malaysia juga mahu ke Singapura kerana hubungan kedua-dua negara ini begitu rapat, termasuk bagi urusan perniagaan setiap hari.

"Apabila sempadan negara tidak dapat dibuka lagi, ia menjadi masalah besar," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Bersama Pimpinan BERSATU Johor di Pejabat BERSATU Bahagian Pagoh, di sini, semalam.

Ketika ini, Muhyiddin berkata, hanya lori dibenar masuk ke negara ini dengan pemandu kenderaan itu divaksin di Singapura.

"Jadi, ini antara perkara yang akan kita perhalusi bila ia dianggap sesuai dan Singapura bersetuju apabila vaksinasi sudah sampai ke peringkat yang lengkap.

"Apabila sijil vaksinasi Malaysia dan Singapura diiktiraf bersama, ia akan membolehkan pergerakan antara keduanya nega-

ra, termasuk sempadan Thailand dan sempadan antarabangsa lain juga akan dibuka," katanya.

Beliau berkata, semua perkara itu akan diambil kira apabila vaksinasi sudah meningkat dan negara menjadi lebih selamat dengan sempadan daerah, negeri serta antarabangsa mula dibuka kelak.

"Kita akan teliti data dan pandangan pakar, termasuk pada peringkat Kementerian Kesihatan (KKM) serta soal keselamatan sempadan yang di bawah Kementerian Dalam Negeri," katanya.

Kelmarin, Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad, memberitahu Mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri (JKKN) Johor bersetuju mengangkat cadangan prosedur operasi standard (SOP) pembukaan sempadan Malaysia-Singapura untuk pergerakan rentas sempadan harian (DCA) kepada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik.

Hasni dilaporkan berkata, SOP



Penerima vaksin menunjukkan sijil vaksinasi selepas melengkapkan dua dos suntikan.

(Foto: Danial Saad /BH)

itu akan dikemukakan untuk menilai persediaan membenarkan pekerja Malaysia di Singapura berulang-alik sekiranya keputusan pembukaan semula sempadan mencapai kata sepakat.

Menteri Luar Negeri, Datuk Saifuddin Abdullah pada persidangan Dewan Rakyat kelmarin pula memaklumkan, Malaysia akan meneruskan rundingan dengan Singapura berhubung pembukaan semula sempadan secara berperingkat termasuk cedera dengan DCA, bergantung pada situasi kesihatan semasa.

Katanya, beliau difahamkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin mengadakan perbincangan melalui telefon dengan rakan sejawatnya, Menteri Kesihatan Singapura, Ong Ye Kung, baru-baru ini mengenai cadangan pembukaan semula sempadan Malaysia-Singapura.

Saifuddin berkata, disebabkan penularan COVID-19 masih belum reda, keduanya negara akan terus melaksanakan peraturan kesihatan yang ketat bagi pergerakan rentas sempadan buat masa ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

73 peratus pelajar IPT divaksinasi setakat Rabu lalu

**shah Alam:** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merekodkan 73 peratus pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara menerima vaksin COVID-19 setakat Rabu lalu.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammed, berkata kadar tinggi berkenaan menunjukkan bahawa pelajar IPT memahami kepentingan vaksinasi.

"Dalam kalangan kakitangan, kadar mencapai 91 peratus dan kita mahu pastikan kampus selamat," katanya selepas melawat Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, semalam, bagi melihat persediaan dan kesiapsiagaan UiTM menerima kemaskuhan pelajar bagi sesi akademik 2021/2022 bulan depan.

Yang turut hadir, Naib Canselor UiTM, Prof Dr Roziah Mohd Janor.

Pada masa sama, beliau tidak menolak kemungkinan ada kakitangan IPT menolak untuk divaksin.

"Pensyarah mungkin ada, tetapi saya tiada data lengkap, namun pelajar saya cukup yakin, tiada yang enggan divaksin sebab apabila vaksinasi lebih 18 tahun dibuka, paling ramai orang muda, itu bermakna mereka cukup tahu bahawa vaksin penting," katanya.

Sementara itu, seramai 23,703 remaja berusia 12 hingga 17 tahun atau 0.8 peratus remaja di negara ini sudah menerima dos lengkap vaksinasi COVID-19.

Data portal COVIDNOW setakat jam 6.30 pagi semalam menunjukkan, 579,204 orang atau 18.4 peratus remaja sudah menerima satu dos vaksin.

Ia menjadikan keseluruhan 19.2 peratus atau 602,907 remaja berusia 12 hingga 17 tahun sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Baki 2,544,593 remaja atau 80.9 peratus belum lagi menerima suntikan vaksinasi.

Berdasarkan kemajuan program imunisasi remaja mengikut negeri, Labuan mencatatkan rekod paling tinggi dengan 47.7 peratus, diikuti Sabah (39.2), Sarawak (28.5), Perlis (24.5), Kedah (22.7) dan Pahang (21.2).

Kelantan pula merekodkan pemberian imunisasi sebanyak 18.4 peratus, disusuli Perak (17.9), Terengganu (16.4), Melaka (13), Negeri Sembilan (13) dan Johor (12.1) peratus.

Kawasan Lembah Klang yang terdiri daripada Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya merekodkan 6.8 peratus, manakala Pulau Pinang mencatatkan enam peratus.

## Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

# Sela masa dos kedua AZ dipendekkan ke 6 minggu

**Langkah bertujuan mudahkan penerima mulai 1 Oktober**

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jangka masa menunggu dos kedua vaksin AstraZeneca (AZ) akan dipendekkan dari tempoh sembilan minggu kepada enam minggu sahaja, bermula 1 Oktober ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata ia bermakna penerima vaksin AZ akan akan menerima dos kedua dalam tempoh enam minggu selepas suntikan pertama.

"Langkah ini bertujuan memudahkan penerima dos vaksin AZ. Sebelum ini, jarak masa dos kedua AZ adalah 12 minggu, sebelum ia dipendekkan ke sembilan minggu, pada Julai lalu," katanya.

Selain itu, Khairy berkata, KKM kini dalam proses rundingan dengan syarikat pengeluar vaksin bagi mendapatkan perolehan data untuk tujuan vaksinasi kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah.

"KKM tidak lagi menggunakan istilah imuniti kelompok tetapi bergerak kepada perluasan capaian vaksinasi.

"Ini bermakna kita meluaskan capaian vaksinasi kepada serata mungkin penduduk Malaysia.

"Sebagai contoh, kita memulakan vaksinasi kepada remaja dan akan menilai data vaksinasi



Antara remaja hadir untuk menerima suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin Axiata Arena di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

kepada kanak-kanak bawah 12 tahun," katanya.

Mengenai strategi baharu kerajaan dalam memberikan vaksin seramai mungkin penduduk, termasuk kanak-kanak serta pemberian dos penggalak, beliau berkata, ia penting untuk mengawal penularan COVID-19, mengurangkan kadar kemasukan ICU serta mengurangkan kadar kematian akibat virus itu.

"Ini bagi memastikan kita dapat masuki ke fasa endemik

dengan selamat," katanya.

Beliau berkata, Virus SARS-CoV-2 asal (Wuhan strain) mempunyai nilai R<sub>0</sub> antara 2 hingga 3, namun dengan kemunculan varian Delta, nilai R<sub>0</sub> itu meningkat antara 6 hingga 10.

"Varian Delta juga sudah mengubah tahap keberkesanan virus dan juga terhadap penularan virus. KKM akan meneruskan program vaksinasi COVID-19 supaya semua populasi yang la

yen penghujung 2021," katanya.

Pada masa sama, beliau menggesa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk campur tangan dan membuat ketetapan yang sewajarnya dalam penerimaan vaksin ketika melakukannya perjalanan antarabangsa.

Katanya, ada sesetengah negara yang menetapkan hanya individu yang menerima vaksin tertentu sahaja diberikan pengecualian dalam melakukan ujian pengesahan COVID-19 sebelum berlepas serta menjalani kuarantine di negara itu.

Beliau berkata, keputusan untuk memberikan kelonggaran kepada pengembala dari luar negara mestilah dibuat berdasarkan kawalan dan pencegahan penyakit serta tindakan kesihatan awam di negara berkenaan dan bukannya berdasarkan jenis vaksin.

**KKM tidak lagi menggunakan istilah imuniti kelompok tetapi bergerak kepada perluasan capaian vaksinasi**

**Khairy Jamaluddin,  
Menteri Kesihatan**

## Remaja tertentu dibenar vaksinasi 'walk in'

**Kuala Lumpur:** Pemberian vaksinasi secara walk-in hanya dibenarkan untuk remaja yang tidak bersekolah, sedang belajar di institut pengajian tinggi awam atau swasta dan home schooling.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata selain dari pada kumpulan remaja itu, pemberian vaksin akan dijalankan secara berjadual di 156 pusat pemberian vaksin (PPV) awam, integrasi dan sekolah, bermula kelmarin.

"Hari ini, masih ada yang walk in dan mereka yang tidak ter-

golong dalam kumpulan remaja ini, diminta untuk menunggu jadual temu janji yang dimaklumkan sama ada oleh pihak sekolah atau aplikasi MySejahtera.

"Saya nasihatkan ibu bapa supaya tidak bergegas ke PPV bersama anak untuk walk in vaksinasi kerana jadual suntikan remaja dibuat dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) terlebih awal.

"Mereka akan bagi giliran ini kepada ibu bapa dan penjaga," katanya.

Beliau turut menasihatkan ibu bapa membawa anak mereka mengikut tarikh serta waktu yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kesesakan.

"Hari ini, saya dimaklumkan kesesakan berlaku di Dewan Syikik Petaling Jaya. Ada pelbagai sebab ini berlaku tetapi yang utama adalah datang tidak mengikut waktu ditetapkan," katanya.

Beliau turut mengingatkan semua PPV terbabit, pihak Pejabat Kesihatan Daerah dan juga Pejabat Pendidikan Daerah supaya mengikut arahan atau ketetapan

yang diumumkan berhubung kaedah pemberian vaksin kepada remaja.

"Jangan ada arahan atau prosedur operasi standard (SOP) yang berbeza diberikan kepada ibu bapa bagi mengelakkan kekeliruan.

"Kita mahu membuat pemberian vaksin ini secara teratur dengan kaedah yang sudah ditetapkan," katanya sambil memberi jaminan kerajaan mempunyai bekalan vaksin yang mencukupi untuk 3.2 juta remaja di negara ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

**Pesakit perlu alat bantuan pernafasan di hospital menurun**

**Kuala Lumpur:** Jumlah pesakit COVID-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan di hospital di negara ini menurun sejak 9 Ogos lalu.

Menurut portal COVIDNOW setakat jam 11.59 malam semalam, 651 kes memerlukan alat bantuan pernafasan mengikut purata tujuh hari, berbanding 921 kes seperti direkodkan pada 9 Ogos lalu.

Secara keseluruhan, kadar penggunaan alat bantuan pernafasan mengikut negeri, Kedah paling tinggi apabila mencatatkan 74.5 peratus, diikuti Pulau Pinang dengan 74.4 peratus dan Perak (71.4 peratus).

Berdasarkan kadar penggunaan alat bantuan pernafasan mengikut negeri, Kedah paling tinggi apabila mencatatkan 74.5 peratus, diikuti Pulau Pinang dengan 74.4 peratus dan Perak (71.4 peratus).

Penggunaan wad di unit rawatan rapi (ICU) pula merekodkan kadar 75.9 peratus, dengan Pulau Pinang mencatatkan kadar tertinggi, iaitu 99.2 peratus, diikuti Kedah (97.5 peratus), Putrajaya (90 peratus), Johor (87.3 peratus), Sarawak (87.1 peratus) dan Perak 83.1 peratus.

Sementara itu, seramai 19,156,694 individu atau 81.8 peratus daripada populasi dewasa di negara ini sudah melengkapkan suntikan vaksin COVID-19 setakat kelmarin.

Sebanyak 93.3 peratus atau seramai 21,847,551 populasi dewasa sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Selain itu, 23,703 individu atau 0.8 peratus daripada populasi remaja sudah lengkap menerima dua dos suntikan vaksin COVID-19.

Jumlah kumulatif pemberian dos vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi dewasa dan remaja di negara ini sudah mencapai 41,573,883 dos.

Sementara itu, 116 kes kematian akibat COVID-19 dilaporkan setakat jam 11.59 malam 23 September, menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian di negara ini kini 24,681 kes.

Daripada jumlah itu, 92 kes adalah kematian sebenar yang dilaporkan berlaku kelmarin, manakala selebihnya adalah pelaporan kes kematian tertunggak.

Sebanyak 29 daripada kematian baharu berkenaan dilaporkan berlaku di luar hospital (BID).

### Penularan COVID-19

# Kes harian catat sedikit peningkatan

**Sarawak rekod angka tertinggi, tiada jangkitan baru di Labuan**

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kes jangkitan COVID-19 di negara ini merekodkan sedikit peningkatan berbanding semalam apabila 14,554 kes positif baharu dikesan, setakat tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah,

lah, berkata secara kumulatifnya, kes positif COVID-19 di negara ini melonjak kepada 2,171,232 kes.

Beliau berkata, Sarawak menjadi negeri tertinggi melaporkan kes harian dengan 2,825 kes, diikuti Selangor (2,244), Johor (1,807), Sabah (1,273), Pulau Pinang (1,231) dan Perak (1,144).

"Kelanlan merekodkan 910 kes,

Secara kumulatif, kes positif COVID-19 di negara ini melonjak kepada 2,171,232 kes

**Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan**



disusuli Kedah (908), Terengganu (690), Pahang (598), Melaka (401), Kuala Lumpur (271), Negeri Sembilan (157), Perlis (65) dan Putrajaya (30).

"Sementara tiada kes jangkitan COVID-19 direkodkan di Labuan," katanya menerusi hantaran di akaun Facebook beliau, semalam.

# Pakar gesa teliti kaedah 'pemutus litar'

**Kuala Lumpur:** Langkah membendung penularan COVID-19 menerusi kaedah 'pemutus litar' atau perintah berkurungan secara ketat dan singkat, perlu diteliti dan mengambil kira kesannya terhadap kesihatan mental dan sosioekonomi rakyat yang sekian lama terjejas.

Pakar kesihatan yang menyifatkan kaedah itu sama seperti Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dengan prosedur operasi standard (SOP) lebih ketat, harus diperincikan untuk memastikan fungsi dan pelaksanaan berbeza dengan PKPD serta lebih efektif.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berpendangan pelaksanaan sebarang kaedah berkurungan bagi mengawal penularan COVID-19 di kawasan tertentu tidak boleh disandarkan sebagai strategi utama mengawal wabak, terutama di kawasan besar.

Beliau bimbang sekiranya kerajaan bertegaskan untuk terus melaksanakan strategi 'buka dan tutup', ia akan memberi kesan kepada kesihatan mental rakyat dan ekonomi yang sebelum ini sudah merana akibat pelaksanaan beberapa bentuk sekatan pergerakan serta langkah berkurung.

"Kita tidak boleh lagi tutup dan buka, kalau nak tutup terus pun lagilah tak boleh. Kalau nak dilaksanakan pemutus litar seperti sekatan kaedah sama, langkah itu barulah dapat pastikan ekonomi dan mental tak terjejas," katanya kepada BH semalam.

"Jangan pula fokus PKPD membabitkan 10 peratus daripada 3,000 pekerja, maka di situ boleh dilaksanakan kaedah sedemikian."

**Kita tidak boleh lagi tutup dan buka, kalau nak tutup terus pun lagilah tak boleh. Kalau nak dilaksanakan pemutus litar seperti sekatan kaedah sama, langkah itu barulah dapat pastikan ekonomi dan mental tak terjejas,"**

**Dr Zainal Ariffin Omar,  
Presiden Persatuan Pakar Perubatan  
Kesihatan Awam Malaysia**

**Kaedah 'pemutus litar' dilaksana jika berlaku penularan luar biasa COVID-19**

**Keratan akhir BH semalam.**

kiland membabitkan 10 peratus daripada 3,000 pekerja, maka di situ boleh dilaksanakan kaedah sedemikian.

"Kalau di kampung pula, jika kadar positif 13 peratus, boleh dilaksanakan kaedah sama. Langkah itu barulah dapat pastikan ekonomi dan mental tak terjejas," katanya kepada BH semalam.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dilaporkan berkata, langkah pembendungan menerusi kaedah pemutus litar mungkin dilaksanakan sekiranya sesuatu lokasi merekodkan penularan jangkitan secara luar biasa ketika Malaysia sedang beralih ke fasa praendemik.

Sementara itu, Saintis Virologi Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Muhammad

Amir Yunus, berpendangan langkah pemutus litar dilihat lebih sama dengan PKPD, umpanya mempunyai niat besar, tetapi rumit dalam pelaksanaan mengambil kira situasi di Malaysia.

"Ini kerana langkah itu dilaksanakan berdasarkan data di negara lain. Kenapa saya katakan ia niat yang besar? Terbukti berdasarkan data di negara lain yang guna kaedah ini (pemutus litar), mereka berjaya kawal kejadian mendadak kes dan pada masa sama memberi lebih ruang kepada fasiliti kesihatan untuk bersedia dan tidak terbebani.

"Kenapa pula saya katakan rumit dalam pelaksanaannya? Untuk kaedah ini benar-benar berkesan, kita harus sudah ada sistem ampuh dan teruji berkesan bagi menguji mengesan, isolasi dan sebagainya, bukannya berdasarkan data pesakit yang sudah dimasukkan ke hospital.

"Untuk Malaysia, kita mungkin belum mencapai tahap itu keseluruhannya. Mungkin bagi bandar besar, keberkesanannya sistem ini sudah tersedia, namun dalam konteks keseluruhan ne-

garai, sebagai contoh di bandar kecil dan pendalam, mungkin sistem ini belum berkesan," katanya.

Pakar epidemiologi Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Awang Buligiba Awang Mahmud, berkata kaedah pemutus litar sepatutnya tertumpu di kawasan mengalami kadar kes perkaita dan kenaikan kes yang tinggi sambil disertai ujian untuk semua penduduk kawasan terbabit.

Beliau turut mencadangkan supaya penduduk yang belum divaksinasi di kawasan yang dilaksanakan kaedah pemutus litar nanti, agar segera dibantu mendapatkan pelajaran itu selepas ujian saringan dilakukan, selain mengesyorkan beberapa kaedah terbaik menggunakan satu indeks yang mengambil kira beberapa indikator.

"Indikator pertama, kadar kes perkaita untuk menunjukkan kepadatan kes. Kedua, kadar positiviti dan peratusan kes bukan kluster untuk menunjukkan kadar penularan dalam masyarakat. Ketiga, masa berganda atau masa menjadi separuh untuk menunjukkan kadar kenaikan atau penurunan kes.

"Keempat, trend kes di kawasan terbabit naik atau menurun. Kelima, nisbah antara kes baharu dan discasi serta peratusan penggunaan katil bagi menunjukkan kemampuan fasiliti kesihatan untuk kendali kes. Keenam, peratusan kes setiap kategori penyakit (kategori 1 hingga 5 untuk menunjukkan keseriusan penyakit).

"Ketujuh, nilai Rt untuk lokaliti dan kelapan, model korelasi spatio-temporal dan kaedah kesembilan, ambil kira varian varius di kawasan berkenaan," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Jumlah itu dicatat dalam seminggu, kurang daripada sasaran 30,000

## 12,607 pelancong ke Langkawi

Oleh NUR ANATI JUHARI

**ALOR SETAR** — Seramai 12,607 pelancong memasuki Pulau Langkawi sejak bermula projek rintis gelembung pelancongan pada 16 September lalu sehingga kelmanir.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Seni dan Budaya, Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Mohd. Firdaus Ahmad berkata, jumlah itu dijangka meningkat pada penghujung tahun ini.

"Pada awalnya kami menganggarkan 30,000 pelancong akan memasuki pulau tersebut sehingga hujung bulan ini."


"Namun pengumuman prosedur operasi standard (SOP) yang ketat seperti perlu menjalani ujian saringan Covid-19 sedikit memberi kesan kepada projek rintis ini," katanya ketika meninjau keadaan di Terminal Feri Kuala Kedah, di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan negeri, Azman Nasrudin.

Katanya, pelaksanaan ujian saringan itu penting bagi memastikan tidak berlaku penularan Covid-19 di pulau tersebut membaikkan pelancong.

Selain itu, menurutnya, hasil perbincangan dengan penyelaras dan pegawai kesihatan bertugas di terminal itu, pelancong digalakkan untuk membuat ujian saringan Covid-19 lebih awal di klinik atau menggunakan kit kendiri sebelum memasuki terminal.

"Tujuannya adalah bagi mengelakkan jika ada pelancong yang buat ujian saringan di terminal didapati positif seterusnya membuatkan penumpang lain bimbang mempercepatkan pro-



**SEBUAH** keluarga menunggu keputusan ujian saringan Covid-19 sebelum menaiki feri ke Langkawi di Terminal Feri Kuala Kedah, Alor Setar semalam.

ses menaiki feri," ujarnya.

Tambahnya, bagi pelancong yang diarahkan berpatah balik kerana dikesan positif atau belum mencapai tempoh matang vaksinasi, mereka boleh minta menunda atau tukar tarikh penginapan.

"Pihak kami sudah mendapat persetujuan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) bahawa pelancong yang sudah membuat tempahan boleh berhubung dengan pihak hotel untuk menukar tarikh atau mendapatkan bayaran balik," ujarnya.

Sementara itu, Azman berkata, lebih 200 penumpang menggunakan perkhidmatan feri ke

Langkawi di Terminal Feri Kuala Kedah dalam perjalanan pada puluk 1.30 petang tadi.

"Hari kedua ini kami dapat keadaan di sini berjalan lebih lancar berbanding semalam (kelmarin) yang mana satu trip sehari ke Langkawi masih dikekalkan.

"Jika tempahan didapati meningkat, trip ke sana juga akan ditambah dari semasa ke semasa dengan pemantauan pihak feri," katanya.

Beliau juga menasihati agar kesemua pelancong memastikan SOP ditetapkan selain memastikan sudah lengkap vaksinasi serta mencapai tempoh matang 14 hari sebelum membuat tempahan.

### COVID-19

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

Jumlah	
Kes baharu	14,554
Import:	9
Tempatan:	14,545
Pulih	16,751
• Jumlah kes sembuh	1,950,467
• Jumlah Kematian	24,681
Jumlah kes keseluruhan	2,171,232

## Kes aktif bawah 200,000 lepas hampir 2 bulan

**PUTRAJAYA** — Pesakit sedang dirawat dan diasingkan berkurbanan di bawah angka 200,000 dengan 198,284 kes dilaporkan semalam, demikian data pada laman web COVIDNOW.

Kali terakhir kes aktif direkodkan di bawah angka tersebut ialah pada 2 Ogos lalu dengan 199,051 kes, seterusnya kekal mele过 200,000 sepanjang tempoh ini sehingga 22 September.

Dalam pada itu, maklumat yang dikemas kini pukul 11.59 malam kelmanir menunjukkan, kes aktif tersebut melibatkan 165,421 kes diquarantine di rumah, 21,350 kes di Pusat Kuarian dan

Rawatan Covid-19 (PKRC) dan 10,396 kes di hospital.

"Selain itu, 502 kes diwatak di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 615 kes di ICU memerlukan bantuan pernafasan," menurut laman web tersebut.

Bagi kes kematian Covid-19 pula, sebanyak 116 kes dilaporkan termasuk 92 kes kematian sebenar dalam tempoh purata tujuh hari.

"Ja dilaporkan di Selangor (33), Pulau Pinang (20), Kuala Lumpur (17), Sarawak (14), Kelantan (10), Sabah (8), Melaka (7), Perak (6) dan Kedah (1), manakala tiada kematian dilaporkan di Johor,

Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Terengganu, Labuan dan Putrajaya.

"Terdapat 29 kes kematian di luar hospital atau brought-in-dead (BID), menjadikan sebanyak 4,838 kes BID di seluruh negara," ujarnya.

Sementara itu, dalam perkembangan berbeza, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, hanya Labuan tidak merekodkan jangkitan baru Covid-19 semalam, manakala negeri-negeri lain menyumbang kepada kes harian negara.

"Dua negeri dengan kes dua digit ialah Perlis (65 kes) dan Putrajaya (30 kes)," menurutnya menerusi hantaran Facebook beliau semalam.

mencecah 2,171,232 kes.

"Daripada angka tersebut, dua negeri mencatatkan kes melebihi 2,000 iaitu Sarawak (2,825 kes) dan Selangor (2,244 kes).

"Seterusnya, Johor (1,807 kes), Sabah (1,273 kes), Pulau Pinang (1,231 kes), Perak (1,144 kes), Kelantan (908 kes), Kelantan (910 kes), Terengganu (690 kes), Pahang (598 kes), Melaka (401 kes), Kuala Lumpur (271 kes) dan Negeri Sembilan (157 kes).

"Dua negeri dengan kes dua digit ialah Perlis (65 kes) dan Putrajaya (30 kes)," menurutnya menerusi hantaran Facebook beliau semalam.



AHMAD MASRIZAL

**73 peratus pelajar IPT sudah divaksin**

**SHAH ALAM** — Kira-kira 73 peratus pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara telah menerima vaksinasi sehingga Isnin lalu.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Ahmad Masrizal Muhammad berkata, situasi ini amat positif memandangkan kumpulan tersebut akan kembali semula pusat pengajian masing-masing secara berperingkat bermula 15 Oktober ini.

"Manakala 91 peratus staf universiti di seluruh negara pula sudah divaksinasi. Bagi saya, peratusan dua kumpulan ini amat tinggi dan membanggakan.

"Saya harap jumlah ini terus meningkat dengan berbaki beberapa hari selepas dibenarkan memulakan kuliah dalam kelas," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan majlis rasmi di Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sini semalam.

Minggu lalu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad memaklumkan lebih 1.2 juta pelajar universiti dijangka pulang ke kampus masing-masing bagi memulakan kuliah secara bersempena dengan mereka yang telah lengkap vaksinasi dibenarkan kembali ke kampus.

Mengulas lanjut, Ahmad Masrizal berkata, hasil pertemuan Noraini dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar sebelum ini juga menyatakan bahawa pelajar boleh mendapatkan vaksin di mana-mana klinik kesihatan awam dan swasta yang memberikan vaksin dengan syarat mestinya membawa surat tawaran memasuki IPT atau kad pelajar mereka.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

# Bantu orang asli ambil vaksin

TNB Genco terlibat dalam Program Imunisasi Vaksinasi Orang Asli Gua Musang

## GUA MUSANG

Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui anak syarikat milik penuhnya, TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) membantu seramai 2,300 orang asli sekitar Gua Musang menerima suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Vaksinasi Orang Asli yang diadakan bermula 29 Ogos lalu.

TNB Genco bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah Gua Musang dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) menganjurkan program tersebut melibatkan dua sesi.

Sesi pertama diadakan bermula pada 29 Ogos hingga 2 September lalu manakala sesi kedua pula bermula 14 September sehingga 17 September.

Pada sesi pertama Program Imunisasi Vaksinasi Orang Asli, seramai 2,000 masyarakat orang asli di Pos Brooke dan Pos Hendrop telah menerima suntikan vaksin Covid-19.

Program itu turut melibatkan seramai 52 petugas termasuk

sukarelawan dalam kalangan warga kerja TNB Genco, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jakoa.

Bagi melancarkan program vaksinasi itu, TNB Genco turut menyumbang peralatan perubatan dan keperluan logistik seperti khemah, makanan dan peralatan siar raya kepada para petugas barisan hadapan, sukarelawan dan penerima vaksin.

Selain itu, TNB Genco turut memberi sumbangan pek makanan asas kepada 1,300 keluarga orang asli yang menerima vaksin.

Mereka yang menerima vaksin ini terdiri daripada 90 orang asli di Pos Pulat manakala selebihnya orang asli di Pos Bihai.

Dalam program sama, TNB Genco juga turut memberi sumbangan pek makanan asas kepada 300 keluarga orang asli yang terjejas mata pencarian akibat pandemik selain turut menyediakan bantuan logistik di kedua-dua pos berkenaan.

TNB Genco sebagai anak syarikat milik penuh TNB berperanan mengurus dan mengendalikan loji tenaga domestik, perniagaan enjanaan tenaga boleh diperbaharui, operasi loji tenaga dan penyelenggaraan serta operasi terminal pukal kering.



Petugas KKM memberikan suntikan vaksin kepada salah seorang penduduk orang asli dari Gua Musang.



TNB Genco dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Gua Musang dan Jakoa menganjurkan program yang melibatkan seramai 52 petugas termasuk sukarelawan dalam kalangan warga kerja TNB Genco, KKM dan Jakoa.



Sebahagian orang asli dari Pos Pulat mendapatkan vaksin mereka pada 14 hingga 17 September lalu. Program Imunisasi Vaksinasi Orang Asli dan Penduduk sekitar Gua Musang ini melibatkan kerjasama TNB Genco bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Gua Musang dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa).



Sebahagian orang asli di sekitar Gua Musang hadir untuk menerima vaksin menerusi Program Imunisasi Vaksinasi Orang Asli di Pos Brooke dan Pos Hendrop, bermula 29 Ogos hingga 2 September lalu.

Petugas KKM membantu masyarakat orang asli di sekitar Gua Musang di kaunter pendaftaran sebelum menerima suntikan vaksin.



**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 12**  
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

# Saya sendiri 'tidur' di pasar raya - Khairy

KKM akan cari kaedah penyelesaian terbaik berhubung isu fungsi *check out* di aplikasi MySejahtera.

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
 TUAN MUHAMAD ADNAN dan  
 MUKHRIZ MAT HUSIN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mencari kaedah penyelesaian terbaik berhubung isu fungsi *check out* di aplikasi MySejahtera.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, fungsi *check out* bertujuan menerima maklumat lokasi lebih tepat supaya dapat mengetahui pengguna aplikasi MySejahtera berada di sebuah lokasi bagi tempoh masa spesifik.

"Saya sendiri tidak di pasar raya kerana terlalu untuk *check out*," katanya pada sidang akbar di kementeriannya pada Jumaat.

Khairy juga menyedari komentar yang disuarakan rakyat berhubung perkara tersebut.

"Kita akan melihat apakah kaedah terbaik untuk memastikan ciri ini diguna dengan sempurna.

"Buat masa sekarang agak susah, kita sedang menyelesaikannya," katanya.

Sebelum ini pengguna



Khairy bercakap pada sidang media perkembangan terkini penularan wabak Covid-19 di Kementerian Kesihatan pada Jumaat.

aplikasi MySejahtera mempersoalkan relevan fungsi *check out* kerana ramai yang terlupa menebak keluar selepas selesai mengunjungi sebuah premis.

Mengulas mengenai bayaran terhadap syarikat yang membina aplikasi tersebut, KPISoft Sdn Bhd, Khairy berkata, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) akan menilai kerja-kerja yang dijalankan syarikat berkenaan sebelum perintuan jumlah yang perlu dibayar dibuat oleh Perbadanan.

"Kita akan minta MAMPU menilai kerja tersebut dan semua yang terlibat dalam aplikasi ini termasuk KKM, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan melihat nilai yang ditentukan," katanya.

Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Dewan Rakyat berkata, kerajaan akan mula membayar pembangun aplikasi MySejahtera mulai April dan seterusnya.

Ia selepas tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dijalankan syarikat itu selama satu tahun berakhir pada 31 Mac lalu.

Dalam pada itu, Khairy turut mengumumkan jarak masa bagi dos kedua vaksin AstraZeneca akan dipendekkan daripada sembilan kepada enam minggu mulai 1 Oktober depan.

"Ini bagi memberi kemudahan kepada mereka yang telah mendapat dos pertama AstraZeneca dan mereka boleh menerima dos kedua selepas enam minggu," katanya.

## MENTEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

## KKM berunding bagi perolehan vaksin kanak-kanak bawah 12 tahun

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mengadakan rundingan dengan sebuah syarikat pengeluar vaksin Covid-19 untuk mendapatkan perolehan bagi vaksinasi kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, syarikat berkenaan dalam proses membuat persiapan untuk menghantar data-data klinikal ke seluruh dunia termasuk Malaysia.

"Cuma mereka memerlukan sedikit masa, mungkin bulan depan mereka akan hantar data ke Bahagian Regulatori Farmaasi Negara (NPRA) agar pendaftaran dapat dibuat terhadap vaksin tersebut," katanya di sini pada Jumaat.

Menurutnya, KKM akan menilai data-data berkenaan apabila ia tersedia.

"Saya yakin mungkin ada syarikat lain juga yang akan berbuat sedemikian kerana ada beberapa syarikat yang telah melaksanakan ujian klinikal dalam kalangan kanak-kanak.

"Strategi KKM yang baharu bukan untuk mengejar imuniti kelompok sebaliknya memberi perlindungan seramai mungkin terhadap rakyat di negara ini," katanya.

Ditanya mengenai nama pengeluar syarikat vaksin tersebut, Khairy bagaimanapun enggan mendedahkannya.

"Kita akan umum apabila perjanjian dimeterai kelak," katanya.

Dalam pada itu, Khairy berkata, pemberian vaksinasi remaja secara *walk-in* hanya dibenarkan untuk mereka yang

tidak bersekolah, sedang belajar di institut pengajian tinggi (IPT) dan *home schooling*.

"Perkara ini telah ditegaskan oleh Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali dan Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Dr Mah Hang Soon semasa sesi sidang media pada Rabu.

"Saya juga ingin mengingatkan semua pusat pemberian vaksin (PPV) yang terlibat, pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan juga Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) supaya mengikuti arahan atau ketetapan yang telah diumumkan berhubung kaedah pemberian vaksin kepada remaja.

"Saya mohon supaya tidak ada arahan atau prosedur operasi standard (SOP) yang berbeza diberikan kepada ibu bapa bagi mengelakkan kekeliruan," ujarnya.

Sementara itu, Khairy menggesa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) campur tangan dalam isu diskriminasi terhadap jenis vaksin yang digunakan di Malaysia.

Ujar beliau, sesetengah negara menafakkan bahawa hanya individu yang menerima vaksin tertentu sahaja diberikan pengecualian daripada melakukannya ujian pengesan Covid-19 sebelum berlepas, menjalani kuarantin setelah tiba di negara berkenaan dan sebagainya.

"Perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku kerana penting untuk kita faham bahawa vaksin melindungi individu dari risiko mendapat jangkitan lebih teruk serta mengurangkan gejala penyakit," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 13  
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Bincang iktiraf sijil vaksin Malaysia-Singapura

Bagi memudahkan urusan rentas sempadan keduanya negara untuk pelbagai urusan harian

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

MUAR

**P**erbincangan pengiktirafan sijil vaksinasi secara bersama-sama antara Malaysia dan Singapura akan diadakan bagi memudahkan urusan rentas sempadan keduanya negara untuk pelbagai urusan harian.

Pengerusi Majlis Pemulihara Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin

berkata, pembukaan sempadan itu juga berupaya mengukuhkan kestabilan ekonomi akibat aktiviti eksport dan import yang banyak membabitkan keduanya pihak.

"Antara perkara yang akan kita perhalusi apabila dianggap sesuai dan bersetuju (setelah) vaksinasi sudah sampai ke peringkat lengkap, sijil kita dan sijil Singapura diiktiraf bersama-sama.

"Ini akan membolehkan pergerakan antara keduanya negara dan sempadan lain pun akan dibuka. Semua itu akan diambil kira. Tetapi pastinya bila vaksinasi sudah meningkat, negara sudah menjadi lebih selamat, maka



MUHYIDDIN

sempadan-sempadan berkenaan akan mula dibuka," katanya di sini pada Jumaat.

Muhyiddin berkata, beliau ada berhubung dengan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong bagi membincangkan perkara berkenaan yang turut dipersetujui Hsien Loong.

Bagaimanapun beliau berkata, langkah itu memerlukan penelitian khusus membatikkan soal keselamatan dan kesihatan.

Jelas Muhyiddin, pihaknya akan meneliti data dan sains serta pandangan daripada pakar-pakar termasuk di peringkat Kementerian Kesihatan termasuk soal keselamatan sempadan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

## Kes baharu kembali meningkat ke 14,554

**KUALA LUMPUR -**  
 Kes baharu Covid-19 pada Jumaat kembali meningkat dengan 14,554 kes berbanding 13,754 kes untuk tempoh yang sama pada Khamis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi perkongsian dalam platform media sosialnya berkata, dengan angka terbaru itu, jumlah kumulatif kes di negara kini 2,171,232 kes.

Beliau berkata, Sarawak merekodkan kes harian tertinggi dengan 2,825 kes, disusuli Selangor (2,244), Johor (1,807), Sabah (1,273), Pulau Pinang (1,231) dan Perak (1,144).

Negeri yang mencatatkan tiga angka bagi kes Covid-19 pula ialah Kedah dengan 908 kes, Kelantan (910), Terengganu (690), Pahang (598), Melaka (401), Kuala Lumpur (271) dan Negeri Sembilan (157).

"Perlis mencatatkan 65 kes dan Putrajaya 30 kes manakala Labuan tidak merekodkan sebarang kes setakat petang ini (Jumaat)," katanya.

